



“Hubungan antara Tuhan yang Bangkit, komuniti beriman dan Kitab Suci adalah penting untuk identiti kita sebagai orang Kristian.”

Paus Fransiskus
(Surat Apostolik
“APERUIT ILLIS”)

Ayat Suci Minggu ini:

Nehemiah 8: 2-6, 8-10
Mazmur 18: 8-10, 15
1 Korintus 12: 12-30 or 12-14, 27
Lukas 1: 1-4, 4: 14-21

Begitu tepat bacaan minggu ini untuk mencerminkan kesatuan umat Kristian. Dalam bacaan pertama, Esra menunjukkan kepada kita betapa pentingnya Sabda Allah yang harus dibaca, bahkan kepada wanita dan kanak-kanak yang boleh memahami. Selepas pemuangan, umat Allah perlu komited semula kepada Taurat kerana Hukum adalah identiti mereka.

Betapa pentingnya bagi kita orang Kristian untuk mengekalkan identiti kita semasa kita menghadapi cabaran besar dalam dunia sekular. Itulah sebabnya penting untuk bersatu untuk menguatkan iman dan membina komuniti. Santo Paulus menulis dalam Korintus 1 tentang Tubuh Kristus, terdiri daripada banyak bahagian, setiap bahagian unik. Dia menunjukkan kepada kesatuan dan kepelbagaian, dan keperluan untuk kewujudan bersama. Ia tidak sepatutnya menjadi milik kita sendiri tetapi kita mesti saling menghormati dan menjaga setiap bahagian Tubuh.

Dalam konteks negara kita yang mempunyai pelbagai agama dan budaya, orang Kristian mempunyai peranan penting untuk dimainkan. Injil menceritakan tentang pewartaan Kerajaan Yesus dan misiNya untuk membebaskan dan menyembuhkan. Pekerjaan-Nya berterusan melalui kita, Tubuh Kristus.

Hukum Allah sentiasa menyegarkan dan membimbing jiwa, memberikan kita kebijaksanaan untuk bersederhana, seperti yang dipanatkan oleh Pemazmur. Jadi hari ini dengan kesederhanaan hati untuk menerima Yesus, **marilah kita ingat kita dibaptiskan menjadi Satu Tubuh - yakni Gereja.** Diperkasakan oleh Roh Kudus, kita mesti mengenali anugerah yang diberikan Allah kita, dan menggunakannya dengan berkesan untuk mengasihi Allah dan sesama kita. Kita dipanggil untuk menjadi Gereja Penyayang, untuk memeluk semua orang tanpa mengira bangsa, kepercayaan dan agama.

Tuhan telah mengurapi Aku, untuk menyampaikan kabar baik kepada orang-orang miskin; dan Ia telah mengutus Aku untuk memberitakan pembebasan kepada orang-orang tawanan. Marilah kita bertindak menurut Sabda Allah dan menghidupi iman kita.✠

NEWBEC

NEW WAY OF BEING CHURCH

26 Januari 2025

Hari Minggu Biasa Ke-3 (Minggu Sabda Allah)

MERAYAKAN, MENDENGAR & BERJALAN BERSAMA SEBAGAI PENZIARAH HARAPAN

**FOKUS BULANAN & RASIONAL:
GEREJA - DIPANGGIL UNTUK MENJADI PENGASIH**

Kesatuan di dalam Tubuh Kristus

Semasa Minggu Doa untuk kesatuan umat Kristian, orang Kristian berkumpul. Kita diingatkan tentang doa Yesus untuk murid-muridNya supaya 'mereka boleh menjadi satu.' Secara tradisinya, acara ini diadakan antara 18-25 Januari. Dikasteri untuk mempromosikan kesatuan Kristian di Roma menghasilkan bahan-bahan dengan rakan-rakan ekumenikalnya untuk digunakan sepanjang tahun untuk menyatakan tahap persekutuan yang telah dicapai oleh gereja-gereja, dan untuk berdoa bersama-sama untuk kesatuan penuh itu yang merupakan kehendak Kristus.

